

Earth Overshoot Day peringatan supaya tidak rakus dan membazir

Manusia terlebih guna hasil bumi

PARIS – Manusia mencatat pencapaian negatif baharu apabila menggunakan semua hasil Bumi untuk tempoh setahun semalam, manakala pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pula memberi amaran, sumber defisit kini digunakan bagi menampung kehidupan di planet ini sepanjang baki 2022.

Tarikh tersebut yang digelar sebagai *Earth Overshoot Day*, menandakan hari di mana manusia menggunakan hasil pengeluaran Bumi untuk tempoh selama setahun, demikian menurut Rangkaian Jejak Global dan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF).

“Dari 1 Januari hingga 28 Julai 2022, manusia menggunakan sumber alam semula jadi untuk mengambil masa setahun untuk Bumi menggantikannya. Sebab itulah 28 Julai dinamakan



la seperti wang, kita boleh berbelanja melebihi pendapatan untuk satu tempoh tetapi sekiranya kita berbuat demikian sepanjang masa, kita akan mufliis.”

SEBIJI buah oren dicat seperti glob Bumi dalam satu acara sempena *Earth Overshoot Day* pada 1 Ogos 2018. – AFP

SEBANYAK satu pertiga makanan di seluruh dunia dibazirkan pada setiap tahun. – AFP

Earth Overshoot Day (Hari Terlebih Guna atau Hari melampaui Batas).

“Bumi memiliki banyak sumber semula jadi, kita boleh terlebih guna sumber ini untuk satu tempoh tetapi kita tidak boleh menggunakannya secara berlebihan sepanjang masa.

“Ia sama seperti wang, kita boleh berbelanja melebihi pendapatan untuk satu tempoh tetapi sekiranya kita berbuat demikian sepanjang masa, kita akan mufliis,” kata Presiden Rang-

kaian Jejak Global, Mathis Wackernagel.

Menurutnya, manusia memerlukan sumber daripada 1.75 Bumi untuk menampung populasi sekarang secara lestari.

Menurut Rangkaian Jejak Global, *Earth Overshoot Day*, jatuh semakin awal sepanjang tempoh 50 tahun lalu.

Pada 2020, tarikh tersebut ditangguhkan selama tiga minggu akibat Covid-19 sebelum kembali seperti era sebelum pandemik.

“Sekiranya semua orang hidup seperti orang Amerika Syarikat, tarikh tersebut akan jatuh jauh lebih awal iaitu 13 Mac,” kata Wackernagel.

Kedua-dua NGO itu menuding jari terhadap sistem pengeluaran makanan dan jejak ekologi yang ‘amat besar’.

“Secara keseluruhan, lebih separuh sumber bio planet ini (55 peratus) digunakan untuk makanan manusia. Banyak makanan dan bahan mentah turut digunakan untuk memberi makan haiwan yang kemudian dimakan oleh manusia,” kata kedua-dua NGO tersebut.

Menurut mereka, manusia perlu mengurangkan makan daging terutamanya penduduk di negara-negara kaya.

“Sekiranya kita mengurangkan pengambilan daging kepada separuh, kita boleh melewati *Earth Overshoot Day* selama 17 hari dan 13 hari lagi jika kita mengurangkan pembaziran makanan” kata aktivis Rangkaian Jejak Global, Laetitia Mailhes sambi menambah, sebanyak satu pertiga makanan di seluruh dunia dibazirkan setiap tahun. – AFP